



**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH
SYARIAH SARAWAK
SEMASA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BAGI
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK**

SOALAN LAZIM (FAQ)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK

PENGURUSAN KES

1. Bilakah tarikh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa?

Tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020 (Fasa 1), 1 hingga 14 April 2020 (Fasa 2), 15 hingga 28 April 2020 (Fasa 3) dan tertakluk kepada apa-apa tarikh lanjutan yang diumumkan oleh kerajaan Negeri Sarawak termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Yang Diperketatkan (PKPD) sekiranya ada.

2. Adakah Mahkamah Syariah akan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?

Tidak. Mahkamah Syariah tidak beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berlangsung.

Walaupun bagaimanapun bagi kes baharu boleh didaftarkan selepas tamat tempoh PKP, manakala kes yang tertakluk kepada had masa di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, permohonan kebenaran pelanjutan tempoh had masa juga boleh dipohon selepas tamat tempoh PKP.

3. Adakah Mahkamah Syariah seluruh Sarawak ditutup sepenuhnya untuk perbicaraan kes-kes?

Ya. Semua prosedur perbicaraan sama ada kes mal atau jenayah di mahkamah terbuka atau mahkamah tertutup ditangguhkan semasa PKP berkuat kuasa.

4. Bolehkah permohonan bagi mendapatkan Perintah Interim/Injunksi Ex-Parte difailkan?

Tidak. Semua permohonan bagi mendapatkan Perintah Interim/Injunksi Ex Parte ditangguhkan semasa PKP berkuatkuasa.

5. Apakah status kes yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Semua kes Mal, Jenayah, Faraid, Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan/Majlis Sulh/ runding cara BSK dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah ditangguhkan.

6. Bilakah kes yang ditangguhkan sewaktu tempoh PKP ini akan didengar semula?

Semua kes yang ditangguhkan semasa PKP di semua peringkat prosiding akan ditetapkan tarikh penjadualan semula. Penetapan tarikh perbicaraan/pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian.

7. Apakah status kes yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir ?

Semua kes Mal, Jenayah, Faraid, Sulh dan BSK yang telah ditetapkan tarikh sebutan/ perbicaraan/ Majlis Sulh/ runding cara BSK selepas Perintah Kawalan Pergerakan berakhir adalah berjalan seperti yang dijadualkan.

- 8. Bagaimanakah pemakluman tarikh tangguhan baharu bagi sebutan/perbicaraan/Majlis Sulh/runding cara Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bagi kes yang terlibat dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tarikh tangguhan baharu akan dimaklumkan melalui notis atau apa-apa medium komunikasi yang bersesuaian manakala bagi pelanggan mahkamah yang menggunakan khidmat peguam, pemakluman kepada peguam yang berkenaan akan dilakukan selepas tamat tempoh PKP.

- 9. Bagaimana cara pihak-pihak untuk memohon memfailkan kes atas alasan kes mendesak dengan Perakuan Segera atau Had Masa?**

Pihak-pihak yang memohon untuk memfailkan kes atas alasan kes mendesak dengan perakuan segera bolehlah difailkan selepas tamat tempoh PKP.

Manakala kes yang tertakluk kepada had masa di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa bolehlah memohon kebenaran pelanjutan tempoh had masa selepas tamat tempoh PKP.

SULH

- 10. Adakah Unit Sulh Mahkamah Syariah beroperasi sepanjang PKP berkuat kuasa?**

Tidak. Unit Sulh tidak beroperasi dan semua sesi Majlis Sulh ditangguhkan.

- 11. Bilakah tarikh penjadualan semula Majlis Sulh?**

Tarikh sidang Majlis Sulh ditetapkan sebaik sahaja tempoh PKP tamat dan pihak-pihak akan dimaklumkan kemudian.

- 12. Bagaimana pihak-pihak tertentu dapat mengetahui tarikh sidang Majlis Sulh mereka?**

Tarikh tangguhan baharu akan dimaklumkan melalui notis atau apa-apa medium komunikasi yang bersesuaian manakala bagi pelanggan mahkamah yang menggunakan khidmat peguam pemakluman kepada peguam yang berkenaan akan dilakukan selepas tamat tempoh PKP.

- 13. Jika pihak-pihak mempunyai persetujuan di luar Mahkamah sama ada belum atau telah memfailkan kes, bagaimana pelaksanaan persetujuan pihak-pihak tersebut sedangkan belum dijadikan perintah persetujuan?**

Pihak-pihak boleh terus melaksanakan perjanjian persetujuan yang telah dicapai secara bersama dan setelah tempoh PKP tamat, hendaklah seberapa segera memfailkan tuntutan tersebut ke Mahkamah Syariah dan pengendorsan perjanjian penyelesaian tersebut hendaklah dibuat di hadapan Hakim Syarie dengan kadar segera.

BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA**14. Bekas suami enggan memberi nafkah dalam tempoh PKP dan apakah tindakan yang perlu dilakukan?**

Aduan keengganan bekas suami melaksanakan perintah nafkah (anak-anak, iddah) sebagaimana dalam Perintah Mahkamah Syariah boleh mengemukakan aduan tersebut melalui e-mel kepada Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK JKSS).

Aduan hendaklah dikemukakan bersama maklumat yang lengkap termasuk e-mel / No. Tel yang dapat dihubungi bagi tindakan lanjut pihak BSK JKSS.

Berikut adalah alamat e-mel Pegawai BSK JKSS:

1. En.Safuwan bin Mareka (safuwan@sarawak.gov.my)
2. Tn. Zulzaidi bin Mahmod (zulzaidi@sarawak.gov.my)
3. Tn. Mohd Sufi bin Mohd Rani (sufir@sarawak.gov.my)
4. En. Alimmurrasyid bin Saed (alimmurs@sarawak.gov.my)

15. Bagaimanakah untuk memohon bantuan nafkah isteri sepanjang tempoh PKP?

Dana Pendahuluan/Bantuan nafkah (isteri/anak) boleh dipohon sepanjang tahun walaupun dalam tempoh PKP. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat diri yang lengkap (Nama, No. K/p, perintah Mahkamah Syariah, maklumat pendapatan dan maklumat yang berkaitan) kepada pihak BSK JKSS.

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak BSK JKSS berdasarkan maklumat yang diterima. Sekiranya pihak pemohon berkelayakan untuk memohon Dana Pendahuluan/ Bantuan, permohonan tersebut akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Akaun Amanah BSK JKSS untuk kelulusan berdasarkan pematuhan syarat yang ditetapkan.

Berikut adalah alamat e-mel Pegawai BSK JKSS:

1. Puan Enelda Nurizzati binti Riman (eneldanr@sarawak.gov.my)
2. En.Safuwan bin Mareka (safuwan@sarawak.gov.my)
3. Tn. Zulzaidi bin Mahmud (zulzaidi@sarawak.gov.my)
4. Tn. Mohd Sufi bin Mohd Rani (sufir@sarawak.gov.my)
5. En. Alimmurrasyid bin Saed (alimmurs@sarawak.gov.my)

16. Apakah yang perlu dilakukan jika sekiranya bekas suami enggan membuat pembayaran nafkah jika sekiranya telah mendapat perintah daripada Mahkamah Syariah?

Sekiranya bekas suami enggan membayar nafkah sebagaimana yang telah diperintahkan, aduan pelanggaran perintah boleh dikemukakan melalui e-mel kepada Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK JKSS). Aduan hendaklah dikemukakan bersama maklumat berkaitan (maklumat diri pemohon, maklumat tanggungan, maklumat perintah Mahkamah Syariah, penyata akaun bank dan maklumat yang berkaitan).

Setelah segala dokumen lengkap diterima maka Pihak BSK JKSS akan melakukan semakan dan siasatan. Sekiranya aduan adalah wajar dan berasas maka pihak BSK JKSS akan mengambil tindakan lanjut dengan mengeluarkan notis peringatan kepada pihak yang ingkar dan tindakan lanjut boleh diteruskan melalui runding cara, pelaksanaan & penguat kuasa perintah di peringkat Mahkamah Syariah dalam Negeri Sarawak.

Berikut adalah alamat e-mel Pegawai BSK JKSS:

1. En.Safuwan bin Mareka (safuwan@sarawak.gov.my)
2. Tn. Zulzaidi bin Mahmud (zulzaidi@sarawak.gov.my)
3. Tn. Mohd Sufi bin Mohd Rani (sufir@sarawak.gov.my)
4. En. Alimmurrasyid bin Saed (alimmurs@sarawak.gov.my)

17. Siapakah yang boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut mengenai perkara di atas?

Untuk penjelasan lanjut berkenaan dengan BSK JKSS atau isu-isu nafkah bolehlah mengemukakan melalui e-mel kepada Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK JKSS). Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan bersama maklumat yang lengkap termasuk e-mel / nombor telefon yang dapat dihubungi bagi tindakan lanjut pihak BSK JKSS.

Berikut adalah alamat e-mel Pegawai BSK JKSS:

1. En.Safuwan bin Mareka (safuwan@sarawak.gov.my)
2. Tn. Zulzaidi bin Mahmod (zulzaidi@sarawak.gov.my)
3. Tn. Mohd Sufi bin Mohd Rani (sufir@sarawak.gov.my)
4. En. Alimmurrasyid bin Saed (alimmurs@sarawak.gov.my)
5. Puan Khadijah binti Ibrahim (khadijah@sarawak.gov.my)

PERSOALAN UMUM

- 18. Apa yang perlu dilakukan jika bekas suami berkeras untuk mengambil anak dalam tempoh PKP ini sepertimana yang dinyatakan dalam perintah?**

Semua warganegara Malaysia adalah terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Jika mana-mana pihak berkeras untuk meneruskan hasrat untuk mengambil anak dalam tempoh PKP, tindakan tersebut adalah atas tanggungjawab sendiri kerana pada dasarnya tugas mahkamah telah selesai sebaik sahaja perintah mahkamah diumumkan.

- 19. Suami lafaz taklik "Jika engkau keluar dari pintu rumah itu, jatuh talak". Apa yang perlu dilakukan apabila taklik tersebut dilanggar dalam tempoh PKP?**

Berdasarkan undang-undang, lafaz cerai takliq oleh suami tersebut adalah termasuk dalam talaq di luar dan tanpa kebenaran mahkamah walau bagaimanapun pihak-pihak hanya boleh memfailkankan kes tersebut setelah tempoh PKP ditamatkan.

- 20. Bagaimana orang awam mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan Mahkamah sewaktu tempoh PKP?**

Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan kes di Mahkamah Syariah Sarawak semasa PKP ini berlangsung bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Bil	Nama Pegawai	No Tel	Emel	Mahkamah
1	Hanafi Bin Abdillah	0194871088	hanafia@sarawak.gov.my	MRS Kuching
2	Mohamad Nasir Bin Marsidi	0198764845	mohamanm@sarawak.gov.my	MTS Kuching
3	Norsilawati binti Jamari	0194576877	norsilaj@sarawak.gov.my	Unit Sulh
4	Siti Fatimah binti Mustapha	0138260540	sitifm@sarawak.gov.my	MRS Samarahan
5	Norakmal binti Hj Wasli	0148951046	norakmaw@sarawak.gov.my	MRS S.Aman
6	Nor Azizah binti Abdul Rahim	0138249394	noraar@sarawak.gov.my	MRS Betong
7	Mohd Supian Bin Bujang	0105515626	supianb@sarawak.gov.my	MRS Sarikei
8	Norzida binti Rosli	0138244683	norzidar@sarawak.gov.my	MTS Sibul
9	Lekap bin Bujang	0198399859	nekapb@sarawak.gov.my	MRS Mukah
10	Latifah binti Lat	0143576007	latifahlat@sarawak.gov.my	MRS Kapit
11	Zaki Bin Ahmad	0168110720	zakia@sarawak.gov.my	MRS Bintulu
12	Dyg Norsida binti Awg Jalil	012 8799972	norsidaj@sarawak.gov.my	MRS Miri
13	Norhafiza Binti Halmi	0138038378	norhafih@sarawak.gov.my	MTS Miri
14	Marzuki Bin Jahawi	0198650873	marzukij@sarawak.gov.my	MRS Limbang
15	Nizan Bin Nen	0138074670	nizann@sarawak.gov.my	MRS Lawas

*MRS – Mahkamah Rendah Syariah

*MTS – Mahkamah Tinggi Syariah